



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE 60 BIL 30/2022**

**PERMOHONAN PENGINAPAN PELAJAR KE KOLEJ KEDIAMAN MAWADDAH
DIBUKA BAGI SESI PENGAJIAN 2022/2023**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

1. Sukacita dimaklumkan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) membuka permohonan kepada pelajar yang berkelayakan bagi menduduki Kolej Kediaman Mawaddah bagi sesi pengajian 2022/2023.
2. Berikut adalah syarat kelayakan bagi pelajar memohon ke Kolej Kediaman Mawaddah :-
 - a) Warganegara Malaysia
 - b) Beragama Islam
 - c) Pelajar Pra Siswazah sepenuh masa UMP yang berstatus aktif.
 - d) Pendapatan isi rumah keluarga tidak melebihi RM4000.00
 - e) Ibu atau bapa atau kedua-duanya telah meninggal dunia
 - f) Ibu atau bapa atau kedua-duanya adalah Orang Kurang Upaya
 - g) Ibu atau bapa atau kedua-duanya adalah penerima bantuan JKM
3. Bagi pelajar telah mendapat tempat penginapan di Residen Pelajar dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan juga digalakkan memohon.
4. Pemohonan perlu disertakan bersama salinan dokumen yang telah disahkan semasa permohonan.
5. Dalam memastikan pelajar yang menetap di Kolej Kediaman Mawaddah cemerlang dari segi akademik dan Ko-kurikulum, Pihak universiti mewajibkan penghuni Kolej Kediaman Mawaddah bagi menyertai modul-modul yang tertentu yang dianjurkan sepanjang berada di Kolej tersebut.
6. Pelajar boleh mengisi borang permohonan melalui pautan berikut :-

<https://forms.gle/cofvKcnWdTUNQtwdA>

7. Tarikh tutup permohonan adalah pada **12 Oktober 2022** dan keputusan permohonan akan diumumkan di *e-community* pelajar.

Bagi sebarang pertanyaan boleh hadir secara terus ke pejabat pejabat Residen Pelajar mengikut penempatan anda. atau email kepada residen@ump.edu.my.

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

‘Teknologi Untuk Masyarakat’



NASRUL BIN SALIM PAKHERI

Pengerusi

Institusi Kefeloan

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 6hb September 2022